

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN NO. 360**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan TVET terkini. Adakah satu institusi TVET akan ditubuhkan di SibU. Kalau tidak, mengapa. Memandangkan SibU memerlukan pekerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan pekerja berkemahiran di Tanjung Manis Halal Hub.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi penekanan kepada bidang teknikal, vokasional dan kemahiran di Sekolah Menengah Teknik dan Kolej Vokasional supaya dapat menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi dan mampu bersaing dalam teknologi global serta menuju ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

KPM telah menyediakan Kolej Vokasional SibU bagi memenuhi keperluan murid yang cenderung kepada kemahiran di SibU. KPM juga telah menyediakan sebanyak sebuah Sekolah Menengah Teknik (SMT) serta program kolej vokasional di enam (6) buah Kolej Vokasional (KV KPM) serta lima (5) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) iaitu GIATMARA di negeri Sarawak. Sehingga kini, kapasiti sekolah yang ada adalah mencukupi untuk menerima permohonan murid di negeri Sarawak belajar di bidang teknikal, vokasional dan kemahiran. Justeru, buat masa ini KPM

**NO. SOALAN: 360**

tiada perancangan untuk membina Kolej Vokasional baharu di negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, KPM amat mengambil berat hal ini dan sentiasa membuat kajian keperluan mengikut kesesuaian kursus dan keperluan industri dan masyarakat setempat di negeri Sarawak. Program Kolej Vokasional telah dilaksanakan di seluruh negeri di Malaysia dan KPM sentiasa mengalu-alukan cadangan untuk menubuhkan KV baharu sekiranya ada peruntukan bagi memenuhi permintaan masyarakat dan industri setempat dalam meningkatkan tahap kemahiran, daya keusahawanan dan peningkatan ekonomi masyarakat negeri Sarawak.

RT46/360